

10 MAY 1998

Ling-Klia

AGONG RASMIKAN KLIA PADA 29 JUN INI

PETALING JAYA, 10 Mei (Bernama) -- Pembukaan rasmi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang akan dilakukan pada 29 Jun ini oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata, pada majlis itu juga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan utama mengenai peraturan yang akan diamalkan di lapangan terbang itu nanti.

"Dan pada jam 12 tengah malam hari itu (29 Jun), KLIA akan mengambil alih semua kegiatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah (L TSAAS), Subang," katanya kepada pemberita di sini.

Dr Ling berkata persiapan untuk pengambil alihan kegiatan penerbangan di L TSAAS ke KLIA berjalan sejak 30 bulan lalu meliputi kajian keperluan di lapangan terbang baru itu, latihan dan penjadualan dan sebagainya.

Sebuah syarikat perunding dari Jerman dilantik untuk tujuan itu.

Ditanya tentang kegunaan L TSAAS selepas itu, Dr Ling berkata ia akan digunakan sebagai lapangan terbang bagi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), sekolah latihan penerbangan, pusat aerospace bagi agensi penerbangan seperti Airod, penerbangan haji dan juga sebagai pusat konvensyen dan pameran kerana ia mempunyai ruang yang luas.

Perbincangan sedang dijalankan untuk menggunakan L TSAAS bagi penerbangan domestik seperti penumpang yang ingin ke Subang atau Petaling Jaya, mereka tidak perlu turun di KLIA untuk ke Subang atau Petaling Jaya, katanya.

Katanya lagi, keputusan mengenai perkara itu akan dibuat dalam masa terdekat tetapi beliau enggan menyebutkan bila ia akan diketahui.

Diminta mengulas mengenai pendaratan penerbangan yang membawa jemaah haji Malaysia dari Tanah Suci pada Rabu lepas (6 Mei), beliau menyatakan kegembiraannya kerana semuanya berjalan lancar.

"Para jemaah haji yang ditemui juga sangat gembira dengan layanan dan kelancaran sistem yang ada di KLIA," tambahnya.

Mengulas mengenai cadangan hukuman penjara mandatori terhadap pemandu yang membahayakan keselamatan pengguna jalan lain, Dr Ling berkata, maklum balas yang diterima daripada orang ramai ternyata positif dan mereka bersetuju supaya pemandu yang terbabit dengan lumba haram, pembuli jalan raya, pemandu yang mabuk atau mengambil dadah, dikenakan hukuman penjara.

"Orang jenis ini yang sengaja membahayakan nyawa orang lain perlu dipenjarakan segera. Buat apa tunggu orang mati baru hendak masukkan mereka ke dalam penjara," katanya

Beliau menyifatkan pemandu seperti itu tidak ramai iaitu kira-kira 0.001 peratus daripada 8 juta pemandu yang ada di negara ini.

-- BERNAMA

APG oba